

BN tetap berpegang pada janjinya — Mahathir

22 MAR 1994

KUALA LUMPUR 21 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Barisan Nasional (BN) tetap berpegang kepada janjinya berhubung perlantikan Ketua Menteri di Sabah yang akan dipilih daripada anggota parti-parti komponen BN setiap dua tahun sekali.

Bagaimanapun beliau berkata, BN akan memikirkan kesesuaian satu cadangan yang dibangkitkan oleh pemimpin UMNO di Sabah supaya Ketua Menteri daripada kaum Kadazan adalah juga daripada anggota UMNO, dan bukannya daripada parti-parti lain yang mewakili kaum itu.

Bercakap kepada para pemberita selepas melancarkan buku *Pembuatan Kereta Nasional - Bukan Sekadar Impian* karya Pengerusi Bersama Lembaga PROTON dan HICOM Bhd, Datuk T. Tharumaganam di sini hari ini, Perdana Menteri berkata, cadangan itu akan diikhtirakan apabila tiba waktu yang sesuai.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Ketua Penerangan UMNO Sabah, Karim

Ghani semalam bahawa pusingan untuk menjawat jawatan Ketua Menteri Sabah bukan berdasarkan kepada parti-parti komponen BN, tetapi kepada kumpulan etnik.

Oleh itu, walaupun jawatan Ketua Menteri sekarang dipegang oleh keturunan Melayu dari UMNO (Tan Sri Sakaran Dandai), maka Ketua Menteri seterusnya - sekiranya daripada kaum Kadazan - adalah juga daripada anggota UMNO, kata Karim.

Menurut Karim, hanya Ketua Menteri berketurunan Cina yang bakal dilantik bukan daripada parti UMNO, kecuali ia tergolong dalam kategori bumiputera.

Di bawah pemerintahan BN, jawatan Ketua Menteri Sabah akan bertukar tangan antara bumiputera beragama Islam, bumiputera bukan Islam dan kaum Cina.

Diminta pandangan beliau tentang penubuhan tiga parti baru di Sabah, yang ingin menganggotai Barisan Nasional, Dr. Mahathir berkata, "Kita tengoklah...barangkali perlu, barangkali ada perselisihan faham sedikit".

Ketiga-tiga parti serpihan PBS itu ialah Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) yang ditaja oleh Datuk Joseph Kurup, Parti Demokratik Sabah (PDS) yang diasaskan oleh Datuk Bernard Dompok dan Parti Demokratik Sabah Bersatu (PDSE) yang ditubuhkan oleh Datuk Dr. Jeffrey Kitingan.

Berhubung penyusunan anggota Kabinet baru di Sabah, beliau berkata, perkara itu akan dibincangkan semasa mesyuarat Barisan Nasional malam esok.

Mengulas perlantikan Tan Sri Sakaran Dandai, yang mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri Sabah Sabtu lepas, Dr. Mahathir berkata, Sakaran kini telah diterima dengan baik oleh semua pihak di negeri itu.

Perdana Menteri percaya, di bawah pemerintahan Sakaran, Sabah akan memasuki era baru yang bakal menguntungkan rakyat negeri itu.

"Bagaimanapun, Sakaran Dandai kenalah letak jawatan bila tamat tempohnya, dan penggantinya kita belum tetapkan lagi," ujar beliau.

Perdana Menteri juga mengulangi bahawa hubungan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sabah akan menjadi baik pada masa-masa akan datang.

Ditanya sama ada satu dasar baru berhubung peraturan penggunaan pasport dan kad pengenalan yang dikenakan kepada penduduk Semenanjung yang mahu memasuki negeri itu, Dr. Mahathir berkata, terpujalah kepada rakyat Sabah untuk memutuskan perkara itu.

"Memanglah ganjil kerana untuk pergi dari satu negeri ke satu negeri lain di sebuah negara terpaksa guna pasport," ujarnya.

Bagaimanapun, beliau berkata, Kerajaan Persekutuan akan mengkaji perkara itu dan akan menimbangkannya kemudian.

Ditanya tentang peluang UMNO pada pilihanraya di Lundang, Kelantan pada 29 Mac ini, Perdana Menteri berkata, "Kita mesti menang..."

Beliau tidak mengulas lanjut.